

23 SEP 2000

Mahathir-Gerakan

GERAKAN TERUS DIBERI MANDAT TERAJUI KERAJAAN BN PULAU PINANG

PULAU PINANG, 23 Sept (Bernama) -- Parti Gerakan akan terus diberi mandat untuk menerajui kerajaan negeri Pulau Pinang walaupun pada masa-masa akan datang kerana ia adalah sebagai satu agihan kuasa dalam kerajaan Barisan Nasional (BN), kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, walaupun ada kalanya parti itu memenangi kerusi yang kurang daripada parti komponen lain di negeri ini pada pilihan raya umum, namun BN mempunyai agihan secara adil dan saksama.

Agihan itu tidak mempunyai sebarang maksud penguasaan oleh mana-mana parti politik tetapi ia adalah satu agihan kuasa yang adil, katanya pada persidangan media selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Gerakan Kebangsaan di sini.

Dr Mahathir berkata BN cuba memuaskan hati semua pihak dan parti-parti komponennya yang lain akan mendapat jawatan lain dan "dalam BN juga kita menerima kenyataan bahawa tidak semua yang dikehendaki itu akan diperolehi."

Katanya, Gerakan telah menunjukkan kesetiaan dengan BN dan wajarlah BN juga memberi kesetiaan kepada parti itu.

Mengenai dengan perjumpaan Persatuan-persatuan Cina (Suqiu) baru-baru ini, Dr Mahathir berkata wakil yang menemuinya telah faham dengan pesannya bahawa sebarang masalah atau ketidakpuasan hati harus diselesaikan dengan cara yang terbaik.

Katanya, beliau telah meminta agar perkara seumpama itu tidak dihebohkan menerusi media kerana ia boleh menyebabkan reaksi kepada orang lain dan menimbulkan isu perkauman.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan sentiasa mementingkan perpaduan kaum dan jika terdapat sebarang tanda awal akan berlaku masalah perkauman, kerajaan akan mengambil tindakan pantas untuk menyekatnya.

Ditanya mengenai usul Pergerakan Pemuda Gerakan semalam yang meminta kerajaan mengkaji semula Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU 1971), Dr Mahathir berkata, kerajaan sentiasa mengkaji akta itu dari semasa ke semasa.

"Bagaimanapun, satu perkara yang harus diingat ialah universiti bukan tempat untuk berdemonstrasi dan kerajaan tidak akan membenarkan perkara itu berlaku," katanya.

Mengenai dakwaan kononnya kerajaan tidak memberi layanan yang baik kepada pelarian Filipina ke negara ini, beliau berkata, kerajaan telah menerima lebih 500,000 rakyat Filipina yang datang ke Sabah dan mereka menggunakan kemudahan seperti sekolah, klinik dan hospital.

"Tak ada bangsa lain diberi layanan kepada pendatang seperti yang kita bagi layanan kepada orang Filipina tetapi mereka menuduh kononnya kita tak bagi layanan kepada pendatang ke negara kita...kita sepatutnya hantar mereka balik dan mereka tak ada hak di sini," katanya.

Menjawab satu soalan mengenai dakwaan kononnya beliau membazirkan wang kerajaan dengan menjalankan kerja-kerja politik, Dr Mahathir berkata, gaji yang diterima beliau sebagai Perdana Menteri adalah RM16,000 sebulan.

Malahan mereka yang bekerja di bawahnya seperti pengerusi Petronas menerima gaji yang lebih tinggi berbanding beliau, katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun telah berusia 75 tahun, beliau masih tidak mendapat sebarang pencen berbanding dengan seorang hakim yang menerima pencen dan imbuhan setelah mencapai usia 65 tahun.

"Kalau nak banding gaji saya dengan rakan sejawatan saya dari negara jiranpun, jauh bezanya..oleh itu saya nak tahu siapa yang katakan saya membazir wang kerajaan," kata beliau.

-- BERNAMA
AZE AZZ AKD